

NOTIS PELAWAAN

1. Terbuka kepada syarikat yang berpengalaman, berkeupayaan dan mempunyai tempoh pendaftaran yang masih sah untuk dipelawa untuk menyertai perkhidmatan berikut:

No. Sebut Harga : SH/IB/400-10/8/SH-25/2025

Tajuk Sebut Harga : Perkhidmatan Penyewaan Ruang Dan Pengendalian Kafeteria Istana Budaya

Syarat Pendaftaran : Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam Kod Bidang 040103 – Makanan Bermasak (Islam)

Tarikh Iklan : 31 Disember 2025 (Rabu)

Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 13 Januari 2026 (Selasa)
Pendaftaran pada jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Sri Nilam, Bangunan Panggung Istana Budaya.

Tarikh Tutup Sebut Harga : 27 Januari 2026 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengah hari.
(Dokumen yang dihantar lewat TIDAK akan dipertimbangkan)

2. Kehadiran ke sesi taklimat/ lawatan tapak sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** sebagai salah satu syarat untuk menyertai sebut harga ini. Penyebut harga yang tidak hadir ke sesi taklimat/ lawatan tapak, **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN PERMOHONANNYA.**
3. Syarikat dikehendaki membawa sijil asal dan salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Kementerian Kewangan, Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Pematuhan Cukai (TCC), *Trust MyCatering* atau Pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS) atau penyenaraian pengusaha makanan sediaan di rumah (*Home-based Food*) serta cop syarikat semasa menghadiri taklimat/ lawatan tapak. Hanya Penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat/ lawatan tapak dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.
4. **Dokumen Sebut Harga akan diberi secara percuma selepas sesi taklimat/lawatan tapak.** Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis di sebelah kiri sampul Tajuk Sebut Harga serta No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat seperti berikut:-

**LOBI BANGUNAN PENTADBIRAN
ISTANA BUDAYA
JALAN TUN RAZAK, 50694 KUALA LUMPUR.**

5. Tarikh tutup tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari pada tarikh 27 Januari 2026.** Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.** Istana Budaya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas bolehlah menghubungi **Unit Perolehan, Istana Budaya di talian 03-4026 5555 samb. 537/524.**

